

11/11/2001

Dicurigai kerana nama guna `bin`

Hasan Nawawi; Ridhwan

27 September (Los Angeles dan terbang ke Lapangan Terbang Kansai, Osaka, Jepun)

KAMI terpaksa membayar AS\$1,060 untuk dua tiket penerbangan. Kami gembira kerana dapat terbang ke Jepun hari ini kerana ada khabar angin yang mengatakan Amerika Syarikat (AS) akan menyerang Afghanistan hujung minggu ini.

Kami amat berharap kami sudah berada di Jepun, jika serangan itu berlaku. Kami mahu mengelakkan daripada terperangkap di LA, jika lapangan terbang AS ditutup lagi buat kali kedua.

Istimewa ucapan terima kasih kepada Muhammad Alias (Konsul General) dan semua pegawai serta kakitangannya atas pertolongan yang menjadikan pengembaraan kami berjalan lancar.

Pada sebelah pagi, kami melawat pejabat untuk mengucapkan terima kasih ikhlas kami dan selamat tinggal. Di pejabat, kami bertemu Mohd Salleh Kassim, Pengarah Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia di AS. Pejabatnya terletak di Chicago dan sudah bertugas di AS lebih lima tahun.

Pemeriksaan keselamatan amat ketat dan penumpang mesti melalui banyak laluan pemeriksaan, apa lagi nama kami menggunakan `bin`. Orang Islam Malaysia dengan perkataan `bin` di tengah nama pertama dan nama keluarga dilayan dengan lebih berhati-hati. Anda mungkin ada kaitan dengan kumpulan Bin Laden.

Penerbangan kami ke Kansai mengambil masa 11 jam dan dijangka mendarat di Lapangan Terbang Kansai jam 6 petang esok. Pesawat 747 itu separuh penuh.

Lapangan Terbang Kansai ialah lapangan terbang baru di selatan Jepun. Pada mulanya kami mahu mendarat di Lapangan Terbang Narita Airport di Tokyo tetapi memandangkan Kansai lebih dekat dengan Fukuoka (pelabuhan untuk menyeberang ke Korea) dan kami juga mahu melihat lapangan terbang the famous sinking airport (Kansai) yang juga dikenali sebagai salah satu keajaiban teknologi dalam era moden ini.

28 September (tiba di Lapangan Terbang Sinking, Kansai)

PESAWAT mendarat di Lapangan Terbang Kansai mengikut jadual. Sekarang ialah musim luruh di Jepun. Pada jam 7 petang sudah gelap. Kami mengambil masa sejam untuk melepasi pemeriksaan Imigresen dan pemeriksaan beg.

Kami terpaksa membuka semula kotak tempat mengisi basikal kami dan membaikinya semula. Menurut pusat penerangannya, basikal tidak dibenarkan melintasi jambatan dari lapangan terbang ke Osaka. Kami dinasihatkan menaiki kereta api dengan membawa basikal bersama-sama.

Osaka ialah sebuah bandar yang amat mahal. Jadi, kami membuat keputusan untuk menaiki kereta api ke Kyoto, ibu negara Jepun yang lama sebelum digantikan oleh Tokyo pada awal abad ke-20.

Kami meminta kaunter penerangan untuk menempah hotel paling murah berdekatan dengan stesen kereta api di Kyoto. Mereka mencadangkan kami pergi ke Hotel Hokke Club berhadapan dengan stesen kereta api dan bayaran untuk dua orang ialah Yen 10,395 (AS\$95).

Berdasarkan tahap kami, ia amat mahal. Namun itu adalah harga termurah di Kyoto dan kami tidak ada masa untuk mencari hotel murah lagi kerana jam sudah menunjukkan pukul 9.00 malam.

29 September (Kyoto)

KAMI gembira menginap di Hotel Hokke Club, Kyoto kerana ia menyediakan perkhidmatan Internet percuma. Saya membuat keputusan untuk menginap

sehari lagi di hotel yang sama.

Kami perlu mencari beberapa benda di Kyoto sebelum bergerak lebih jauh seperti peta bandar Kyoto bagi mengetahui jalan yang perlu diambil untuk ke luar dari bandar, membeli alat memasak mini, gas, nasi, sardin, telur, gula, teh, roti dan jem.

Kadar bayaran hotel benar-benar mengganggu belanjawan kami. Mungkin kami terpaksa menggunakan khemah lebih kerap di Jepun. Lebih baik bersedia kerana ini adalah pengalaman pertama kami di Jepun. Buku The Lonely Planet tidak mempunyai banyak maklumat mengenai aktiviti berbasikal di Jepun.

Kami bertuah bertemu Carter dan saya membuat temu janji untuk berbincang dengannya pada jam 5.30 petang. Dia datang dengan Jason, seorang rakan dari Amerika yang boleh bertutur bahasa Jepun dengan fasih.

Mereka menjemput kami makan malam di salah sebuah restoran Jepun di Kyoto. Menu termurah berharga Yen 850 (AS\$8) sepinggan. Masih lagi dikira mahal mengikut tahap kami.

Makanan di Amerika jauh lebih murah. Tokyo dikatakan bandar termahal di dunia. Bandar lain di Jepun tidak jauh berbeza dari Tokyo.

Carter dan Jason membawa peta jalan di Jepun. Mereka benar-benar membantu kami. Mereka juga mencadangkan jalan terbaik untuk diambil dari Kyoto ke Fukuoka. Mereka berjanji untuk membuat salinan peta itu dan memberikan kepada kami keesokan harinya apabila kami melintasi pekan mereka (Kameoka) kira-kira 25 kilometer dari bandar Kyoto.

Kami amat gembira dengan pertolongan mereka kerana untuk bertanyakan sesuatu di Jepun bukan mudah apabila hanya sedikit saja rakyatnya boleh bercakap dan memahami bahasa Inggeris.

Kami berasa lega dan bersyukur kepada Tuhan, kerana bertemu dua orang Amerika yang baik hati di Jepun.

30 September (Kyoto ke Sasayama - 68 kilometer)

HARI pertama kami berbasikal di Jepun. Hujan sejak awal pagi dan tidak ada tanda-tanda hendak berhenti. Kami memakai baju hujan dan pada jam 10.00 pagi, kami memulakan perjalanan.

Kami berkayuh menuju ke Kameoka dan melintasi pusat bandar Kyoto. Ada banyak kuil Buddha sepanjang jalan. Kuil itu antik dan masih kukuh dan dikelilingi taman yang indah.

Jalan di Jepun kecil tetapi ada lorong khas untuk basikal dan pejalan kaki. Ramai penduduk menggunakan basikal di Kyoto dan mereka menggunakan lorong yang sama dengan pejalan kaki.

Kami tidak mengayuh laju di bandar, hanya sekitar 10 ke 12 kilometer sejam. Ada juga sawah dan kebun sayur walaupun di bandar Kyoto. Ia wujud di tengah bangunan tinggi di bandar itu.

Kami tiba di bandar Kameoka sekitar jam 12.30 tengah hari. Kami berkayuh perlahan dalam hari hujan. Kami juga perlu mendaki beberapa bukit sebelum sampai di bandar Kameoka.

Carter membawa kami ke rumahnya dan menjemput kami menikmati hidangan tengah hari di situ. Isterinya yang berketurunan Jepun, Mayumi, sibuk memasak ketika kami sampai. Saya memberitahu Carter satu pepatah popular iaitu seorang lelaki akan gembira sepanjang hayatnya jika dia mempunyai apartment gaya Amerika, makanan Cina dan isteri Jepun. Carter menambah satu lagi iaitu kereta buatan Jerman.

Dia mempunyai sebuah Mercedes sport dalam garajnya. Dia pastinya orang paling gembira di dunia mempunyai hampir semua keempat-empat kriteria itu.

Kami menikmati makan tengah hari dengan hidangan Jepun yang begitu menyelerakan. Kemudian kami minum pula teh Jepun dan kopi. Satu hari saya harap mereka dapat datang ke Malaysia dan saya akan membawa mereka menikmati buah-buahan tempatan termasuk durian.

Sesetengah orang tidak suka durian kerana baunya. Mereka makan durian dengan menutup hidung. Sesetengah orang Eropah berkata, makan durian

seperti menjilat ais krim di dalam tandas.

Manggis dan mangga adalah buah-buahan tropika yang amat popular di Jepun. Kami berada selama dua jam di rumah Carter dan hujan masih turun.

Pada jam 2.30 petang, Jason menyertai kami sehingga kira-kira 15 kilometer sehingga kami sampai di persimpangan menuju ke Sasayama. Pada jam 6.00 petang, hari sudah hampir gelap.

Di sebuah kampung di Sasayama, kami berhenti di hutan berhampiran sebuah bengkel. Kami mendirikan khemah di belakang sebuah van. Tempatnya agak tersorok dan tidak dapat dilihat dari jalan. Di Jepun, tidak ada tapak perkhemahan.

1 Oktober (Sasayama ke Bizen - 113 kilometer)

PAGI ini kami bangun dengan rasa segar. Hujan semakin reda. Kami perlu mengemaskan khemah sebelum jam 7 pagi sebelum orang lain nampak kami. Rakyat Jepun selalunya mula bekerja pada jam 8.00 pagi.

Terdapat hutan buluh di sekitar kawasan itu tetapi dijaga dengan elok. Hari ini kami melintasi kawasan kampung. Banyak sawah sepanjang jalan.

Oktober ialah musim menuai. Petani menggunakan mesin untuk menuai. Pemandangan yang begitu indah di kawasan kampung seperti di Kedah. Seorang pelukis pasti boleh melukis lukisan yang menarik. Tiada gambar secantik lukisan.

Kami tiba di kawasan Bizen pada jam 7.30 malam dan mendirikan khemah di belakang sebuah Family Mart yang dibuka 24 jam dan kami boleh menggunakan tandas di situ.

Kami membeli makan malam dari situ yang berharga 500 Yen (AS\$5) setiap satu dan memasukkannya ke dalam ketuhar gelombang mikro selama tiga minit dan sudah sedia dihidang. Ia adalah makanan segera Jepun sama ada menggunakan ketuhar gelombang mikro atau air panas.

2 Oktober (Bizen ke Kasaoka - 89 kilometer)

KAMI tidur selama dua malam di dalam khemah. Setakat ini, kami tidak nampak kafe internet sepanjang jalan atau pekan yang kami lalui. Mungkin ia tidak begitu popular di Jepun.

Di sesetengah kedai buku yang kami tanya, mereka tidak tahu perkataan Internet. Mungkin mereka menggunakan terminologi berbeza. Saya perlu menghantar e-mel ke Malaysia terutama kepada keluarga saya dan Zulkifli Yaakob di Wisma Putra untuk memaklumkan mereka perkembangan terkini.

Di sebuah bandar bergelar Kasaoka, kami berhenti mencari hotel. Banyak hotel di Jepun ditulis dalam bahasa Jepun. Sukar bagi kami mengesannya ketika melintasi bandar itu. Kami bertanya beberapa penduduk tetapi masih tidak dapat petunjuk yang betul.

Akhirnya seorang wanita membawa kami kira-kira satu kilometer dengan basikal ke Grand Hotel yang mengenakan bayaran Yen 11,500 (AS\$110) semalam. Bayarannya amat mahal tetapi kami gembira kerana saya boleh menggunakan laptop untuk menghantar e-mel ke Malaysia dan menulis cerita mengenai perjalanan kami di AS. Syukur.

3 Oktober (Kasaoka ke Mihara - 60 kilometer)

HARI ke empat kami berbasikal di Jepun. Saya menghabiskan masa beberapa jam pagi ini menghantar berita ke laman web Malaysia. Saya pergi ke kedai dobi untuk mengeringkan baju kami yang basah.

Tidak ada sesiapa di kedai, cuma mesin cuci, mesin syiling dan arahan cara menggunakan duit dan cara menggunakan mesin cuci sama ada untuk membasuh atau mengeringkan.

Pengendalinya cuma datang pada jam 12.00 tengah hari dan sekali lagi ketika hendak menutup kedai pada jam 6.00 petang.

Mungkin penduduk Jepun sudah biasa dengan sistem itu dan cara mengendalikan mesin. Hanya arahan bertulis sudah cukup baik.

Terdapat gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemilik hotel itu pada dinding berdekatan kaunter di tingkat tiga. Kami

diberitahu Dr Mahathir pernah melawat hotel itu beberapa tahun lalu.
Pemiliknya juga mempunyai beberapa kilang elektronik di Malaysia.

PM kita amat popular di Jepun. Pandangan Dr Mahathir mengenai serangan pengganas di AS dan isu disiarkan di televisyen Jepun dan diulang banyak kali.

Kira-kira 12 kilometer selepas Mihara, kami berhenti di kedai 7 Eleven pada jam 6.30 petang. Hari hampir gelap dan cuaca sejuk (15 darjah C). Kami akan mendirikan khemah di sawah. - Bersambung minggu depan.